

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(IV)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

16. Apakah Pelan Tindakan dan Perancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan Tapak Pesta. Buat masa kini Tapak Pesta hanya aktif setahun sekali iaitu ketika Pesta Pulau Pinang. Selain itu, tempat tersebut agak suram dan kurang digunakan.

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

16. Pesta Pulau Pinang diadakan di Tapak Pesta pada sepanjang bulan Disember setiap tahun dan merupakan ikon kepada produk pelancongan Kerajaan Negeri.

Selain daripada penganjuran Pesta Pulau Pinang, Tapak Pesta juga menawarkan sewaan dewan dan kawasan lapang untuk kegunaan orang ramai dan syarikat bagi mengadakan majlis kenduri kahwin, ceramah, penganjuran konsert, perasmian produk, penggambaran filem dan sebagainya di sepanjang tahun.

Manakala kawasan parkir sering mendapat tempahan oleh individu atau syarikat untuk kegunaan penganjuran pasar malam oleh JKKK setempat, karnival pakaian, karnival pelajaran, '*pick up point*' untuk penyuraian trafik semasa musim perayaan, pameran automobil dan sewaan tapak kepada penganjuran mini *Fun Fair*.